

SOALAN LAZIM
SIJIL AKUAN BERHUTANG (SAB)

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Bilakah penggunaan Sijil Akuan Berhutang (SAB) yang baharu berkuat kuasa?	Fail-fail yang akan dibuka pada 1 Jun 2025 oleh pihak KWAP hendaklah menggunakan borang SAB yang baharu. Sekiranya KWAP menerima borang SAB lama perlu dikuiri mengikut format borang SAB yang baharu.
2.	Siapakah yang wajib mengisi SAB?	Bakal pesara/penerima pencen terbitan (mati dalam perkhidmatan) wajib mengisi borang SAB sama ada ada hutang atau tidak.
3.	Kenapa pengesahan daripada Bahagian Khidmat Pengurusan/Bahagian Kewangan dan Bahagian Pinjaman Pelajaran penting?	Bahagian Khidmat Pengurusan/Bahagian Kewangan dan Bahagian Pinjaman Pelajaran mempunyai data hutang yang terkini bagi penjawat awam. Sehubungan itu, pengesahan daripada bahagian tersebut diwajibkan agar hutang kerajaan dapat dikutip melalui pembayaran faedah persaraan.
4.	Siapakah yang boleh membuat pengesahan pada Bahagian C dan D?	Pegawai yang diberi kuasa oleh ketua jabatan.
5.	Sekiranya tiada hutang, adakah Bahagian C dan D perlu disahkan?	Bahagian C dan D wajib di isi oleh pegawai yang diberi kuasa walaupun tiada hutang bagi mengesahkan tiada hutang.
6.	Sekiranya pesara tiada hutang, adakah SAB tidak perlu diisi dan disertakan?	Borang SAB wajib diisi oleh bakal pesara walaupun tiada hutang dan perlu disahkan oleh pegawai di Bahagian C, D dan F.
7.	Siapakah yang perlu mengisi Bahagian G?	Bahagian Kewangan wajib mengisi Bahagian G bagi urusan pemulangan semula hutang yang dikutip daripada faedah persaraan.
8.	Apakah dokumen yang perlu disertakan?	Mohon sertakan sekali dokumen sokongan seperti penyata baki hutang.